

PD Forest pusat pemuliharaan pokok hutan bernilai tinggi

PORT DICKSON: Selain sebagai produk ekopelancongan, Hutan Simpan Sungai Menyala atau kini dikenali sebagai PD Forest juga menjadi pusat penyelidikan dengan plot kajian fenologi sejak tahun 1996 bagi memelihara pokok hutan bernilai tinggi di Negeri Sembilan.

Pengawas Hutan Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan, Rizuan Shap, 55, berkata, fenologi merujuk kepada kajian pemantauan kitaran semula jadi tumbuhan termasuk musim berbunga dan berbuah yang membolehkan Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan mengenal pasti pokok induk bagi tujuan kutipan biji benih.

Menurut Rizuan, kawasan tersebut kini menjadi tapak utama pengumpulan benih bagi spesies seperti Meranti Tembaga, Keruing Merah, Meranti Rambai Daun dan Nemensu.

“Benih yang dikutip digunakan bagi tujuan penanaman semula pokok di dalam hutan simpan kekal di seluruh negeri sekali gus menjamin kelestarian jangka panjang.

“PD Forest bukan hanya kawasan rekreasi, tetapi juga tempat kami jalankan kerja-kerja pemuliharaan spesies pokok hutan yang bernilai tinggi,” katanya kepada *Utusan Malaysia*



RIZUAN Shap menunjukkan biji benih keruing dan meranti yang dipetik daripada plot fenologi di PD Forest @ Sungai Menyala, Port Dickson. - UTUSAN / NOR SHAFIQAH MOHD. GHAZALI

Rizuan menjelaskan antara kaedah utama yang digunakan adalah dengan memanjat pokok bagi mengutip benih yang matang, kerana cara itu boleh meningkatkan kadar kejayaan sehingga 90 peratus berbanding hanya 40 peratus jika dikutip di lantai hutan.

“Kalau dibiarkan jatuh, sebahagiannya rosak atau hilang. Jadi, kami akan memanjat untuk pastikan kualiti benih terjamin,” katanya.

Tambah Rizuan, usaha berkenaan dilaksanakan bagi memastikan bekalan benih sentiasa mencukupi.

“Pemuliharaan terancang membolehkan Negeri Sembilan menjadi antara negeri yang konsisten membekalkan stok benih untuk program penanaman semula. Hutan simpan di Negeri Sembilan bukan sahaja terus terpelihara, malah memberi manfaat kepada generasi akan datang,” katanya.